

# **SUMBANGAN AL-BUKHARI DALAM BIDANG AKIDAH**

**Ab. Aziz Awang Kechik**  
Fakulti Usuluddin  
Akademi Islam Universiti Malaya

*The article describes the works of Bukhari in theology,  
emphasising Bukhari's contribution to al-Aqidah.*

## **1. Pendahuluan**

Imam al-Bukhari adalah seorang tokoh hadis yang paling agung di kalangan umat Islam. Namanya lebih masyhur daripada imam-imam hadis terkemuka yang lain. Bahkan lebih terkenal daripada imam-imam mazhab dalam Islam. Ini kerana kitabnya, *al-Jami al-Sahih* atau lebih dikenali dengan nama *Sahih al-Bukhari* merupakan sebuah kitab yang menjadi sumber pegangan utama selepas al-Quran kepada pengikut-pengikut Mazhab Sunni. Ia juga kitab rujukan kepada semua umat Islam.

Al-Zabidi berkata: Umat Islam telah sepakat mengatakan *Sahih al-Bukhari* merupakan kitab yang paling sahih selepas al-Quran dan ia diterima pakai semenjak ianya disempurnakan sehingga ke hari ini.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>Al-Zabidi al-Imam Zainuddin Ahmad bin Abdul Latif, *al-Tajrid al-Sahih Li Ahadith al-Jami' al-Sahih*. Tahqid Ibrahim Barakat, Dar al-Nafais J.I. hal. 14.

Keilmuan al-Bukhari dalam bidang hadis tidak dapat ditandingi oleh sesiapapun. Ini diakui oleh imam-imam hadis yang lain. Ibn Khuzaimah berkata: "Tidak ada di bawah rangkup langit ini orang yang lebih alim dalam bidang hadis daripada Muhammad bin Ismail al-Bukhari." Abu Isa al-Tirmidhi berkata: Aku tidak dapat seorang pun lebih alim mengenai ilat-ilat hadis dan sanad-sanadnya daripada Muhammad bin Ismail al-Bukhari. Manakala Imam Muslim pula berkata kepadanya: Aku menyaksi bahawa tidak ada seorang pun dalam dunia ini orang yang seumpama engkau.<sup>1</sup>

Miskipun al-Bukhari dikenali sebagai seorang tokoh teragung dalam bidang hadis, tetapi dalam masa yang sama beliau juga mempunyai ketokohan dan keahlian dalam bidang-bidang keilmuan yang lain, seperti Ilmu Akidah, Fikah, Akhlak, dan sebagainya. Beliau telah menyumbang beberapa buah buku penulisan yang khusus dalam bidang-bidang ilmu tersebut.<sup>2</sup>

Dalam kesempatan ini saya cuba membincang mengenai keilmuan al-Bukhari dan sumbangannya dalam bidang akidah bagi membuktikan beliau bukan sahaja sebagai seorang tokoh hadis, tetapi juga sebagai tokoh akidah yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam sebagaimana tokoh-tokoh akidah yang lain.

## 2. Riwayat Hidup Imam al-Bukhari Secara Ringkas

Sebelum daripada memperkatakan sumbangan al-Bukhari dalam bidang akidah adalah lebih diperkenalkan dahulu riwayat hidup supaya kita dapat mengenali lebih dekat mengenai tokoh agong ini.

### a. Nama Dan Keturumannya

Imam al-Bukhari nama lengkapnya Abu Abdullah Muhammad bin Abu al-Hasan Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari bin Bardizbah al-Ju'fi. Dilahirkan pada hari Jumaat 13 Syawal tahun 194H/21 Julai tahun 810M.<sup>3</sup>

Datuknya yang ketiga bernama Bardizbah masih berpegang dengan

---

<sup>1</sup>Dairat al-Ma'arif al-Islamiah. Terjemahan ke Bahasa Arab oleh Muhammad Thabit al-Fandi dan kawan-kawannya J.III hal. 419. Untuk keterangan lanjut mengenai keilmuan al-Bukhari dalam bidang hadis, lihat al-Subki, Tabaqat al-Syafiyat al-Kurbaha J.II hal. 6 7.

<sup>2</sup>Untuk mengetahui penulisan al-Bukhari dalam bidang ilmu tersebut, lihat al-Allamah Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin al-Aini M.762M/855H Umdat al-Qari Syarh al-Bukhari cetakan pertama Mustpha al-Babi al-Halabi 1972 Jil. I, hal. 24.

<sup>3</sup>Dairat al-Ma'arif al-Islamiah op.cit hal. 419.

agama Majusi. Tetapi datuk yang keduanya al-Mughirah telah memeluk Islam di bawah asuhan gabnor Bukhara yang bernama al-Yaman al-Ju'afi.<sup>1</sup>

Bapanya Ismail meninggal dunia semasa umurnya masih kecil, lalu beliau dibesar dibawah jagaan ibunya. Selain dari penderitaan sebagai anak yatim, beliau juga amat menderita kerana kedua belah matanya hilang penglihatan (buta). Tetapi dengan berkat doa dari ibunya Allah mengembalikan penglihatannya menjelang umurnya 10 tahun.<sup>2</sup>

### b. Berkecimpung Dalam Ilmu Hadis

Imam Bukhari mulai berkecimpung dalam Ilmu Hadis serta menghafaznya pada masa umurnya lebih kurang 10 tahun lagi. Ini diakui oleh Imam Bukhari sendiri. Ketika ditanya oleh Abu Jaafar Muhammad bin Abu Hatim al-Warraq tentang permulaan tumpuan kepada Ilmu Hadis, beliau menerangkan:

"Aku diilham untuk menghafaz hadis semasa aku belajar di *kuttab* (peringkat pengajian pra sekolah) lagi. Ketika itu aku masih berumur 10 tahun atau kurang dari 10 tahun. Kemudian aku keluar dari *kuttab* dan menumpu pengajian silih berganti di dalam dan di luar negeri. Setelah aku berumur 16 tahun aku menghafaz kitab-kitab Ibn al-Mubark dan Waki' serta mengawasi kata-kata mereka. Kemudian aku bersama ibuku dan saudaraku yang bernama Ahmad keluar ke Mekah. Kami tinggal di sana untuk mempelajari hadis. Setelah aku berumur 18 tahun aku menyusun kitab berjudul *Qadaya al-Sahabah wa al-Tabiin wa Aqwalihim*. (Peristiwa hukum pada zaman sahabat dan tabiin dan kata-kata mereka) dan aku juga menulis kitab *al-Tarikh*, disisi makam Nabi Muhammad s.a.w."<sup>3</sup>

Imam al-Bukhari seorang tokoh ulama yang sangat bijaksana dan amat kuat ingatannya. Ibn Kathir berkata, mereka menyebut bahawa beliau melihat satu kali sahaja kandungan sebuah kitab, maka

---

<sup>1</sup> Badr al-Din Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad al-Aini *op.cit.*, hal. 22.

<sup>2</sup> Dairat al-Ma'rif al-Islamiah *op.cit.*, hal. 423 dan lihat juga Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, kertaskerja yang dibentang di Nadwah Ilmiah tokoh ulama peringkat Kebangsaan kelima di Pusat Islam Kuala Lumpur pada 16.12.92 bertajuk *Sumbangan al-Bukhari Dalam Bidang Tafsir* hal. 2.

<sup>3</sup> Al-Zabidi, *op.cit.*, hal. 10.

terus mengingatinya (menghahafaznya),<sup>1</sup> Ibn Hajar al-Asqalami pula berkata:

"Tidak menghairankan kampungnya mengembalikan yang salah kepada yang betul kerana beliau seorang yang hafiz, tetapi yang menghairankan ialah ingatannya terhadap kesalahan mengikut susunan yang dibaca kepadanya sekali lalu sahaja."<sup>2</sup>

Lantaran itu dalam usianya 25 tahun beliau sudah menjadi ahli hadis yang disegani oleh para ulama. Disamping kekuatan ingatan, ketekunannya dalam meneliti, menyelidiki dan menyaring hadis-hadis yang ditemuinya sangat mengagumkan, beliau tidak segan-segan mengadakan perjalanan untuk mene-mui beratus-ratus ulama hanya untuk menyaring kebenaran sebuah hadis sahaja.<sup>3</sup> Lebih dari 1,000 orang ahli hadis telah ditemui di negeri-negeri dan tempat-tempat yang dijelajahinya.<sup>4</sup> Beliau berkata, aku menulis daripada 1,080 orang yang semuanya ahli hadis.<sup>5</sup>

Antara negeri-negeri dan tempat-tempat yang menjadi tumpuannya di luar negara ialah beberapa buah negara di Asia Barat dan Mesir. Beliau berkata:

"Aku telah masuk kenegeri Syam Mesir dan Jazirah sebanyak dua kali, ke Basrah empat kali dan aku tidak dapat kira berapa kalikah aku keluar masuk Kota Kufah dan Baghdad untuk menemui ulama hadis."<sup>6</sup>

Tidak kurang dari 600,000 hadis Nabi s.a.w. telah dihafaz oleh Imam al-Bukhari dan setelah diteliti serta disaringnya dengan cermat selama bertahun-tahun, akhir yang diakui sahihnya hanyalah sekitar 7,275 sahaja. Hadis-hadis itulah yang kemudian dihimpun dalam bukunya *al-Jama' al-Sahih* atau dikenal

---

<sup>1</sup>Ibn Kathir (M.774H) *al-Bidayah wa al-Nihayah* Maktabah al-Maarif. C.2 1988 J.II hal. 25.

<sup>2</sup>Ibn Hajar Hajar al-Asqalani *Hady al-Sari* hal. 479.

<sup>3</sup>Haji Suhaili, *op.cit.*, hal. 3.

<sup>4</sup>al-Zabidi, *op.cit.*, hal. 12.

<sup>5</sup>Dairat al-Maarif, *op.cit.*, hal. 422.

<sup>6</sup>*Ibid*, hal. 423.

juga dengan nama *Sahih al-Bukhari*.<sup>1</sup>

### c. Sifat-sifat Keperibadian

Mengenai sifat-sifat keperbadiannya, Ibn Kathir berkata:

"Imam al-Bukhari seorang yang sangat pemalu, pemurah, berani, warak, zahid pada kebendaan dunia dan sangat gemar pada akhirat. Aku harap tidak ada seorangpun menuntut balasan keatasku dihari akhirat kerana aku mengumpatnya." Lalu dikatakan kepadanya mengenai kitab tariknya yang membincangkan tentang *al-Jarh wa al-Ta'dil* dan sebagainya. Beliau berkata, "ini bukanlah upatan....kerana kami menceritakan apa yang diriwayat kepada kami bukan dari kami sendiri. Beliau sembahyang pada tiap-tiap malam tiga belas rakaat dan beliau menamatkan bacaan al-Quran pada tiap-tiap malam di bulan Ramadan."<sup>2</sup>

Abu Bakr al-Baghdadi meriwayatkan daripad Masmih bin Said berkata:

"Apabila masuk awal Ramadan, Muhammad bin Ismail al-Bukhari mengumpulkan sahabat-sahabatnya lalu bersembahyang (terawih) bersama mereka. Beliau membaca pada tiap rakaat 20 ayat. Begitulah seterusnya sehingga tamat al-Quran semuanya. Beliau setiap hari menamat bacaan al-Quran ketika waktu berbuka. Beliau berkata, doa pada tiap-tiap kali khatam al-Quran sangat mustajab."<sup>3</sup>

Imam al-Bukhari adalah seorang hartawan dan selalu membelanjakan (untuk jalan kebaikan) secara sembuni dan nyata. Beliau juga banyak bersedekah malam dan siang.<sup>4</sup>

Beliau juga seorang tokoh yang sangat menjaga maruah dan kehormatan diri. Oleh itu apabila Amir Khalid bin Ahmad al-Zuhli (Gabnor Bukhari) mengutus kepadanya supaya beliau membaca *al-Jami' al-Sahih* dan kitab Tarikh untuk didengarnya, beliau menolak permintaan itu seraya berkata kepada utusan

---

<sup>1</sup>Haji Suhaili, *op.cit.*, hal. 4.

<sup>2</sup>Ibn Kathir, *op.cit.*, hal. 26.

<sup>3</sup>Al-Zabidi, *op.cit.*, hal. 2. 11.

<sup>4</sup>Ibn Kathir, *op.cit.*, hal. 26.

Amir iaitu:

"Aku sekali-kali tidak akan menghina ilmu dan aku tidak akan masuk pintu raja-raja. Sekiranya beliau berhajat kepada ilmu hendaklah beliau menghadiri masjidku atau rumahku. Sekiranya kamu tidak senang (untuk menghadiri majlisku) maka kamu sebagai sultan yang berkuasa boleh menegah aku dari mengadakan majlis pengajian supaya aku dapat membuat alasan di sisi Allah pada hari kiamat bahawa aku tidak menyembunyikan ilmu."

#### d. Kewafatannya

Oleh kerana penolakannya terhadap permintaan Amir Khalid bin Ahmad beliau dimarahi oleh gabenor itu.

Kebetulan pula telah sampai kepada gabenor itu sepucuk surat daripada Muhammad bin Yahya al-Zuhri mengatakan bahawa Imam al-Bukhari berkata: Berlafazkan dengan al-Quran itu makhluk (yakni perbuatan membaca itu makhluk).

Pandangan Imam al-Bukhari dianggap bidaah oleh al-Zuhri. Dengan itu beliau di halau dari Bukhara. Al-Bukhari meninggal negeri menuju ke satu desa yang bernama Khartank tidak jauh dari Kota Samarkand. Berikutnya itu beliau jatuh sakit dan meninggal dunia pada malam Sabtu malam raya puasa tahun 256H. Umurnya kurang 13 hari 62 tahun.<sup>2</sup>

### 3. Peranan al-Bukhari Dan Sumbangannya Dalam Akidah

Peranan al-Bukhari dan sumbangannya dalam bidang hadis diakui oleh seluruh umat Islam, tetapi bagaimana pula peranan beliau dalam bidang Akidah yang merupakan asas kepada pembinaan Islam? Bagi sesiapa yang membaca karya-karya peninggalan al-Bukhari dan meneliti kegiatannya dalam bidang Akidah sudah tentu mengakui bahawa peranan al-Bukhari dan sumbangannya dalam bidang itu tidak kurang besarnya dari sumbangan yang diberi oleh tokoh-tokoh akidah yang lain. Keadaan ini terbukti apabila dilihat dan teliti dua perkara berikut:

Pertama: Usaha al-Bukhari mengumpul hadis-hadis akidah yang

---

<sup>1</sup>Al-Aini al-Allamah Badri al-Din Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad, *op.cit.*, hal. 25.

<sup>2</sup>Lihat Ibn Kathir, *op.cit.*, hal. 28; al-Aini, *op.cit.*, hal. 25-26.

mencukupi untuk keperluan akidah Islam dan menyusunkannya dalam bab-bab khusus dalam kitabnya *al-Jamiai al-Sahih*.

Hadis-hadis yang dikumpul itu merupakan asas kepada akidah yang asli dan paling selamat dianuti dan dipegang oleh seseorang muslim. Hadis-hadis itu juga menjadi asas dan hujjah kepada tokoh Akidah Sunni dalam menghurai permasalahan akidah.

Bagi menjelaskan perkara tersebut saya kemukakan di bawah ini beberapa tajuk aqidah dengan bab-bab hadis sebagaimana yang disusun oleh al-Bukhari dalam kitabnya *Al-jami al-sahih*.

- a. Mengenai konsep Iman pengertiannya dan cabang-cabangnya dijelaskan dalam *kitab al-Iman*<sup>1</sup> Bab 1-58.
- b. Mengenai Keimanan kepada Allah dan mentauhidkan-Nya dijelaskan dalam *kitab al-tauhid*<sup>2</sup> Bab 1-58.
- c. Mengenai keimanan kepada malaikat dijelaskan dalam "*kitab badi' al-khalq*,<sup>3</sup> Bab 6 dan 7.
- d. Mengenai kitab-kitab Allah khususnya al-Quran diterangkan dalam "*kitab fadail al-Quran*,<sup>4</sup> Bab 1-36.
- e. Mengenai rasul-rasul dijelas dalam "*kitab al ambiya*",<sup>5</sup> bab 1-54 dan mengenai Nabi Muhammad S.A.W diterangkan dalam "*kitab al-manaqib*"<sup>6</sup> Bab 17-28.
- f. Mengenai Hari Kiamat dan alamat-alamatnya, dijelaskan dalam "*kitab al-*

---

<sup>1</sup>Lihat Imam al-Bukhari, *Aljami' al-Sahih*, Istanbul, 1979 J. I, hal. 7-19.

<sup>2</sup>*Ibid*, Juz VII, hal. 165-219.

<sup>3</sup>*Ibid* J.IV, hal. 77-84.

<sup>4</sup>*Ibid*, J. VI, hal. 96-115.

<sup>5</sup>*Ibid*, J. IV, hal. 101-148.

<sup>6</sup>*Ibid*, J. IV, hal. 190-198.

ruqaq"<sup>1</sup> Bab 39-49 dan "kitab al-riqaq"<sup>2</sup> bab 23-28.

- g. Mengenai syurga dan neraka diterangkan dalam kitab *badi al-khalq*<sup>3</sup> bab 4-15 dan juga dalam "kitab al-riqaq"<sup>4</sup> bab 48-53.
- h. Mengenai qada dan qadar pula diterangkan dalam "kitab al-qadar,"<sup>5</sup> Bab 1-17.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa hadis-hadis yang dikumpul oleh al-Bukhari mengenai akidah telah mencukupi untuk menjadi asas kepada akidah Islam. Sesiapa yang membaca hadis-hadis serta berpegang teguh denganya, dia boleh dikira sebagai seorang muslim yang sah dan sempurna.

Kedua: Selain dari mengumpul dan menyusun hadis-hadis mengenai akidah, Imam al-Bukhari juga menulis sebuah kitab khusus mengenai akidah yang dinamakan *Khalq Af'al al-Ibad*. Kitab ini dicetak oleh peracetakan al-Ansari Dihli di bawah perhatian Maulawi Abdul Majid, pada tahun 1306 H.<sup>6</sup>

Isi kandungan kitab ini pada permulaanya membincang tentang al-Quran dan menolak pandangan gulungan Jahmiah yang mengatakan al-Quran itu makhluk. Perbincangan dan ulasan al-Bukhari dalam masalah ini samalah dengan perbincangan Imam Ahmad bin Hanbal dalam kitabnya "*al-Radd Ala al-Zanadidiyah wa-al-Jahmiyyah*."

Kemudian diikuti dengan perbincangan mengenai perbuatan manusia yang menjadi perselisihan hangat antara *firaq* Islam pada masa itu, khususnya antara gulungan Jabariah, Qadariah dan *Ahl al-Hadis*. Al-Bukhari dalam kitab itu menyatakan pandangannya dan sokongannya kepada *Ahl al-Hadis* yang mengatakan bahawa perbuatan manusia itu adalah perbuatan manusia hanya berusaha dan berikhtiar sahaja. Beliau membawa beberapa hujjah dan dalil dari al-Quran, Sunnah dan kata-kata ulama salaf sebagaimana yang akan dihuraikan

---

<sup>1</sup>Ibid, J. VII, hal. 190-198.

<sup>2</sup>Ibid, J. VIII, hal. 100-104.

<sup>3</sup>Ibid, J. IV, hal. 8-10.

<sup>4</sup>Ibid J. VII, hal. 48-53.

<sup>5</sup>Ibid, J. VII, hal. 206-215.

<sup>6</sup>Lihat Ali Sami al-Nasysyar dan `Amar Jam`iy al-Talibi. *Aqa'id al-Salaf*, Askandariyah, 1971 hal. 30.

dalam perbincangan berikut.

#### 4. Akidah al-Bukhari Dan Mazhabnya

Berdasar kepada beberapa pandangan al-Bukhari dan penulisannya mengenai akidah secara keseluruhannya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa akidah al-Bukhari dan mazhabnya ialah berpegang dengan kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya, samada isbat atau nafi. Beliau pernah berkata dalam kitabnya, *Khalq Af'al al-'Ibad* ketika menolak sikap *Ahl al-Ahwa'* yang beriman dengan setengah nas agama dan kufur dengan setengah yang lain:

"Sesiapa yang menolak setengah sunnah daripada apa yang dinakalkan oleh ahli ilmu, melazimkannya menolak semua Sunnah yang lain sehingga ia sunyi dari terikat dengan segala sunnah dan kitab" (al-Quran).<sup>1</sup>

Al-Bukhari mengisbatkan apa yang diisbatkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan menafikan apa-apa yang dinafikan oleh Allah dan Rasul-Nya dalam semua permasalahan akidah, tanpa membuat apa-apa takwilan mengikut akal fikiranya sendiri sebagai mana yang dilakukan oleh orang-orang Muktazilah. Di samping itu al-Bukhari juga berpegang dengan kata-kata sahabat dan ulama-ulama salaf.

Bagi menjelaskan akidah al-Bukhari dan mazhabnya, saya kemukakan beberapa contoh permasalahan akidah yang menjadi perselisihan faham antara *firaq* dalam Islam. Dan dengan contoh-contoh itu dapatlah kita menentukan mazhab pegangan al-Bukhari dalam masalah Aqidah secara keseluruhnya.

##### a. Masalah Sifat Allah Dan Nama-Nya

Al-Bukhari mengisbatkan semua sifat Allah dan nama-nama-Nya samada sifat zat dan sifat perbuatan (*sifat of' al.*) Beliau berkata dalam kitab *al-Jami' al-Sahih*. "Maka Tuhan dengan sifat-sifat-Nya dan perbuatan-Nya dan perintah-Nya (urusan-Nya) Dia adalah, *al-Khaliq* (penjadi) Dia adalah *mukawen* (yang mengadakan). Dan hasil dari perbuatan-Nya, dan perintah-Nya, penciptaan-Nya dan kejadian-Nya adalah dibuat, dijadi dan diadakan."<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>*Ibid*, hal. 169.

<sup>2</sup>Lihat Imam al-Bukhari, J. VII, hal. 187.

Mengenai nama-nama Allah pula beliau berkata; "sesungguhnya Allah mempunyai seratus nama kecuali satu. (yakni sembilan puluh sembilan nama) meminta dengan nama-nama Allah dan berlindung dengannya adalah dituntut.<sup>1</sup>

Kata-kata di atas menunjukkan bahawa al-Bukhari mengitbatkan semua nama Allah dan sifat-Nya samada sifat zat atau sifat perbuatan. Sebagai contoh mengenai penjelasan sifat zat, al-Bukhari berkata: "Allah itu mendengar dan melihat".<sup>2</sup> Beliau mengisbat sifat *sama'* dan adalah Allah itu mendengar dan melihat.<sup>3</sup> Beliau mengisbatkan sifat *sama'* dan *basar* kedua-duanya merupakan sifat zat.

Manakala sifat *af'al* (sifat perbuatan) pula al-Bukhari mengisbatkan *istiwa'* Allah di atas Arsy. Dalam kitabnya *Khalq Afal al-Ibad* yang dinakal daripada Muhammad bin Yusuf beliau berkata; "Barang siapa mengatakan Allah tidak *istiwa'* di atas Arasy adalah ia kafir dan barang siapa menyangka bahawa Allah tidak berkata kepada Musa ia menjadi kafir".<sup>4</sup> Beliau membawa beberapa hadis dalam masalah ini dalam kitabnya *al-Jami al-Sahih*, antaranya hadis Abu Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

اَنَّ اللَّهَ لَمَّا قَضَى الْخَلْقَ كَتَبَ عَنْهُ فَوْقَ عَرْشِهِ  
اَنَّ رَحْمَتِي سَبَقَتْ غَضَبِي

Maksudnya:Sesungguhnya Allah setelah selesai melaksanakan kejadian makluk Dia "Allah" menulis (menetapkan) disisi-Nya di atas Arasy-Nya bahawa rahmat (kasih sayangku) mendahului kemurkaanku.<sup>5</sup>

Al-Bukhari juga mengisbat sifat *takwin* (عَكْوِن). Dalam kitabnya *al-Jami' al-Sahih* beliau berkata:

فَالرَّبُّ بِصَفَاتِهِ وَفَعْلَهِ وَأَمْرَهِ وَهُوَ الْخَالِقُ هُوَ الْكَوْنُ غَيْرُ مَخْلُوقٍ  
وَمَا كَانَ بِفَعْلِهِ وَأَمْرِهِ وَتَخْلِيقِهِ وَتَكْوِينِهِ فَهُوَ مَفْعُولٌ مَخْلُوقٌ وَمَكْوُنٌ

---

<sup>1</sup>*Ibid*, hal. 129.

<sup>2</sup>*Ibid*, hal. 168.

<sup>3</sup>*Ibid*, hal. 168.

<sup>4</sup>Lihat Ali Sami al-Nasasyar dan `Amar Jam'i *op.cit.*, hal. 128.

<sup>5</sup>Lihat J.VIII, hal. 187.

Maksudnya: Maka Tuhan dengan sifat-sifat-Nya dan perbuatan-Nya dan perintah-Nya (pekerjaanNya) dan Dia adalah *al-Khaliq* (yang mencipta) Dia adalah *al-Mukwwin* (yang mengadakan) bukan makhluk (yakni bukan dijadikan) dan apa yang terjadi dengan perbuatan-Nya perintahNya (pekerjaan-Nya) dan penciptaannya dan kejadiannya maka ia adalah dibuat, dicipta dan dijadi<sup>1</sup> (oleh Allah).

Al-Bukhari membezakan antara perbuatan Allah dengan perkara yang dibuat iaitu sesuatu yang terjadi dari perbuatan-Nya. Perbuatan adalah qadim kerana ia salah satu dari sifat-sifat Allah iaitu sifat *Takwin* (تَكْوِينٌ) manakala yang dibuat (*maf'ul*) adalah makhluk.

Pandangan dan pegangan al-Bukhari dalam masalah ini samalah dengan mazhab salaf seperti Abu Hanifah yang menyatakan bahawa *Takwin* adalah sifat Allah yang *qadim*. iaitu perkataan Allah *kun* (كُنْ), dan semua perbuatan Allah kembali kepada sifat *Takwin* ini. Mazhab ini juga dipegang oleh Abu Mansur al-Maturidi. Manakala Ibn Kilab dan al-Asy'ari pula mengatakan sifat *Takwin* adalah *hadith* (baru). Mereka berdua berpendapat demikian kerana kalau dikatakan *Takwin* itu qadim melazimkan yang dijadi (makhluk) juga qadim.<sup>2</sup>

### b. Perbuatan Manusia

Golongan *Ahl al-Sunnah* Qadariyah berselisih pendapat mengenai perbuatan manusia. Golongan Qadariyah/Muktazilah mengatakan perbuatan manusia adalah dari manusia sendiri bukan kejadian Allah. Manakala golongan *Ahl al-Sunnah* termasuklah Iman al-Bukhari mengatakan bahawa perbuatan manusia itu pada hakikatnya makhluk Allah yakni kejadian Allah. Peranan manusia hanyalah berusaha dan berikhtiar sahaja.

Al-Bukhari membincang dengan panjang lebar mengenai masalah ini dalam kitabnya *Khalq Af'al al-Ibab*. Beliau berkata: "Ada pun perbuatan manusia maka sesungguhnya telah mencerita kepada kami oleh Ali bin

”إِنَّ اللَّهَ يَصْنَعُ كُلَّ مَا نَحْنُ صَنَعْنَا“

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah yang menjadikan semua

---

<sup>1</sup>Ibid.

<sup>2</sup>Lihat Ali Sami dan `Ammar Jami'i, *op.cit.*, hal. 36.

tukang dan kerja pertukanganya."

Setengah mereka membaca ketika menyebut hadis itu

"، إِنَّ اللَّهَ خَلَقَكُمْ وَمَا عَطَيْتُمْ "

Maksudnya: Dan Allah menjadikan kamu dan apa yang kamu kerjakan", *surah al-Saffat* ayat 16.

Rasulullah S.A.W menceritakan bahawa kerja-kerja pertukangan dan tukangnya adalah makhluk.<sup>1</sup> Yakni semuanya kejadian Allah.

Al-Bukhari juga membawa kata-kata sahabat dan ulama salaf, antaranya Ibn Abbas r.a berkata: "Tiap-tiap suatu adalah mengikut qadar Allah sehingga kamu meletakkan tangan kamu di atas pipi kamu". Yahya bin Said pula berkata: "Aku sentiasa mendengar sahabat-sahabat kami berkata bahawa perbuatan manusia adalah makhluk."<sup>2</sup>

Setelah mengemukakan dalil-dalil di atas, al-Bukhari membuat kesimpulan mengatakan, "Pergerakan mereka (manusia), suara mereka, usaha mereka dan tulisan mereka adalah makhluk"<sup>3</sup>

### c. Masalah Kalam Allah/al-Quran

Masalah sifat kalam dan al-Quran merupakan masalah yang paling utama berlaku perselisihan antara ulama-ulama akidah, khususnya antara Muktazilah dan *Ahl al-Sunnah* sehingga dikatakan nama ilmu Kalam itu sendiri pun diambil sempena dari sifat kalam. Kerana perbincangan hangat antara mereka adalah mengenai kalam Allah.<sup>4</sup>

Golongan Muktazilah mengatakan kalam Allah itu makhluk. Maka dengan itu al-Quran mengikut pandangan mereka ada makhluk.<sup>5</sup> Manakala golongan *Ahl al-Sunnah* pula mengatakan bahawa kalam adalah satu sifat Allah yang qadim. Ia bukan makhluk atau kejadian Allah. Al-Allamat Sadr al-Din

---

<sup>1</sup>*Ibid*, hal. 137.

<sup>2</sup>*Ibid*, hal. 138.

<sup>3</sup>*Ibid*, hal. 138.

<sup>4</sup>Lihat Ab. Aziz Saif al-Nasr Dr., *Falsafat Ibm al-Kalam*, cet. pertama 1987. hal. 67.

<sup>5</sup>Lihat al-Hamid Abdul Razzaq, *Al-Madkhal Ilia Dirasat al-Adyan Wal al-Mazahib*, Beirut cet. pertama, 1981, hal. 289.

Ali bin Ali berkata; "Secara umumnya golongan *Ahl al-Sunnah* daripada ahli Mazhab Empat dan golongan-golongan lain dari mereka daripada orang salaf dan Khalaf semua bersepakat mengatakan bahawa kalam Allah bukan makhluk".<sup>1</sup> Yakni bukan kejadian Allah bahkan satu sifat daripada sifat-sifat-Nya yang qadim.

Al-Bukhari juga mempunyai pegangan yang sama dengan Ahl al-Sunnah, Beliau telah mengulas dengan sejelas-jelasnya dalam masalah ini dalam kitabnya *Khalaq Af'al-Ibad* dengan memetik pendapat para sahabat dan ulama-ulama salaf yang disokong pula dengan ayat-ayat al-Quran dan Sunnah yang menunjukkan bahawa Allah mempunyai sifat kalam dan al-Quran itu adalah kalam Allah yang qadim. Kemudian beliau berkata: "Sebagai kesimpulannya "al-Quran itu adalah kalam Allah bukan makhluk."<sup>2</sup>

Al-Buhkari beriktikad bahawa kalam Allah dengan suara yang dapat didengar dari dekat dan jauh. Bagi mengeuat pendapatnya beliau membawa beberapa hadis dalam kitab *Khalq Af'al al-Ibad*. Antaranya:

Hadis Abu Musa r.a. berkata:

وينكر عن النبي صلى الله عليه وسلم انه كان يحب ان يكون الرجل  
خفيف الصوت ويكره ان يكون رفيع الصوت وان الله عزوجل ينادي بصوت  
يسمعه من بعد كما يسمعه من قرب ، فليس هنا لغير الله عزوجل

Maksudnya:"Disebut daripada Nabi S.A.W. bahawa baginda suka seorang lelaki yang merendahkan suara dan benci seorang yang mengangkatkan suara. Dan sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla menyeru dengan suara yang dapat didengar dari jauh sebagaimana dapat didengar dari dekat. Ini tidak berlaku selain dari Allah."

Al-Bukhari berkata ini menjadi dalil bahawa suara Allah tidak menyerupai suara makhluk. Kerana suara Allah didengar dari jauh sebagaimana didengar dari dekat.

Abdullah bin Unais r.a. berkata: "Aku mendengar Nabi S.A.W bersab-

---

<sup>1</sup>Al-Allamat Sdr ud Din Ali bin Muhammad, *Syarh al-Taha Wal Awiya t Fi al-Aqidat al-Salafiyat Fi al-Aqidat al-Salafiyat*, Cet. Jami'at al-Imam Muhammad bin Saud, 1396H, hal. 121.

<sup>2</sup>Untuk keterangan lanjut lihat nas kitab *Khalaq, Af'al al-Ibad* yang disalin semuanya oleh Ali Sami al-Nasy Syar dan Ammar Jami'y dalam kitabnya *Aqaid al-Salaf*, hal., 116-138.

da:

يَحْشُرُ اللَّهُ الْعِبَادَ فِينَا يَوْمَ يَسْعَهُ مِنْ بَعْدِ كُمَا  
سَعَهُ مِنْ قَرْبٍ

Maksudnya: Allah mengumpulkan manusia semua, maka Dia menyeru mereka dengan suara yang didengarnya dari jauh sebagaimana didengarnya dari dekat.<sup>1</sup>

Banyak lagi hadis dibawa oleh al-Bukhari yang menunjukkan kalam Allah dengan suara. Pegangan dan pandangan al-Bukhari ini berbeza dengan mazhab al-Asy'ari dan orang yang sealiran dengannya. Mereka mengatakan kalam Allah itu merupakan makna yang satu yang berdiri dengan zat Tuhan dan ia adalah sifat yang qadim dan azali tidak berhuruf dan suara tidak terbahagi, tidak ada baginya bahagian dan juzuk. Dan dialah (kalam) *ain amar*, *ain nahi*, *ain khabar* dan *istihbar*. Dan dialah Taurat, Injil dan Quran dan Zabur. Apabila dita`birkan makna itu dengan Bahasa Arab ia adalah al-Quran dan apabila ditakbir dengan Bahasa Ibrani ia adalah Taurat dan apabila dita`bir dengan Bahasa suryani namanya Injil. Dan ma'nanya satu sahaja, Lafaz-lafaz itu adalah ibarat mengenainya.<sup>2</sup>

Pandangan mereka ini bertentangan dengan zahir nas hadis yang mengisbatkan suara pada kalam Allah sebagaimana yang disebut tadi dan juga berlainan dengan pandangan dan kepercayaan ulama-ulama hadis dan sunnah. Mereka mengatakan Allah berkata dengan suara yang dapat didengar oleh makhluk-Nya.<sup>3</sup>

#### d. Berlafaz dengan al-Quran

Al-Bukhari berpendapat bahawa bacaan al-Quran, suara bacaan dan tulisan al-Quran adalah makhluk kerana semua itu adalah perbuatan manusia. Beliau berkata dalam kitabnya *Khalq Af'al* perkataan Allah (yang berbunyi)

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَرِيمُ

al-Baqarah 255 ialah al-Quran. Begitu juga semua al-Quran adalah kata-kata-Nya. Kata-kata itu adalah sifat kepada yang berkata (Allah). Dia bersifat dengannya. Al-Quran adalah kata-kata Allah 'Azza wa-jalla. Bacaan tulisan dan hafalan al-Quran adalah perbuatan makhluk, kerana firmannya: "الْمُزَامِمُونَ مَا تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْآنِ" al-Muzammil 20".

<sup>1</sup>Ibid, hal. 192-194.

<sup>2</sup>Ibn Qayyim al-Jauziyah Muhammad bin Abi Bakr, *Al-Sawaiq al-Mursalat Ala al-Jahmiyat wa-al-Muattilat*, Riyadh T.T. J. II, hal. 291.

<sup>3</sup>Al-Allamat Sadru Din Ali bin Ali, *op.cit*, hal. 133.

Maksudnya: Bacalah oleh kamu apa yang mudah dari al-Quran.

Bacaan al-Quran adalah perbuatan makhluk. Dan bacaan itu adalah taat kepada Allah. Al-Quran bukanlah taat. Dia (al-Quran) adalah perintah supaya taat kepada Allah.<sup>1</sup>

Berbagai-bagai hujjah dibawa oleh al-Bukhari dalam kitabnya *Khalq Af'al al-Ibad* membuktikan bacaan al-Quran, suara bacaan dan tulisan al-Quran adalah makhluk. Contoh yang paling mudah difaham yang dibawa oleh al-Bukhari ialah tulisan perkataan (Allah). Beliau berkata kamu menulis Allah (yakni perkataan Allah) Allah pada zat-Nya ialah *al-Khaliq* (Tuhan yang mencipta), manakala tulisan kamu dan usaha kamu,daripada perbuatan kamu Allah dan itu semua adalah makhluk.<sup>2</sup>

Dariuraian yang diberi oleh al-Bukhari, jelas menunjukkan bahawa beliau membezakan antara bacaan dan yang dibaca, antara tulisan dan yang ditulis. Bacaan al-Quran, suara bacaan, dan tulisan al-Quran adalah makhluk, manakala yang dibaca dan yang ditulis adalah kalam Allah yang qadim, bukan makhluk.

Pandangan al-Bukhari ini ditentang oleh setengah ulama dan ahli hadis antaranya al-Hafi Muhammad bin Yahya al-Dhuhli sehingga al-Bukhari dike luarkan dari Bukhara. Kerana al-Syaikh al-Dhuhli waktu itu merupakan seorang yang mengepalai bidang fatwa dan hadis juga mempunyai pengaruh di Nisabur.<sup>3</sup>

Al-Subki berkata: "Mengikut apa yang diriwayat al-Bukhari adalah di antara orang yang mengatakan berlafaz dengan al-Quran itu makhluk" (yakni perbuatan membaca al-Quran itu makhluk). Manakala Muhammad bin Yahya al-Dhuhli pula berkata: "Sesiapa yang menyangka berlafaz dengan al-Quran itu makhluk dia adalah seorang *mubtadi'*, tidak harus duduk bersamanya dan tidak boleh bercakap dengannya. Sesiapa yang menyangka al-Quran itu makhluk maka ia menjadi kafir."<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup>Ali Sami al-Nasysyar dan Ammar Jami'i *op. cit*, hal. 21-31.

<sup>2</sup>*Ibid.*

<sup>3</sup>Lihat al-Bukhari, *al-Tarikh al-Saqhir*, Tahqiq Mahmud Ibrahim. Beirut, J.1 dalam pendahuluan hal. 15.

<sup>4</sup>Al-Subkiy, *Tabaqat al-Syafiiyat al-Kubra*, J. II, hal. 12.

Dalam masalah ini Imam al-Bukhari lebih betul dan lebih benar, kerana pandangnya itu disandarkan kepada dalil yang jelas daripada al-Quran, sunnah dan pendapat ulama salaf. Pandangan itu merupakan pandangan ulama hadis. Ibn Qayyim berkata "Yang sebenarnya ialah apa yang dipegang oleh imam-imam Islam seperti Imam Ahmad, al-Bukhari dan ahli hadis bahawa suara adalah suara pembaca dan kalam adalah kalam *al-Bari*<sup>1</sup> (yakni kalam Allah).

Ibn Qayyim selanjutnya berkata selepas menyebut cerita mengenai perselisihan antara al-Bukhari dan al-Dhuhli; "Al-Bukhari lebih `alim dalam masalah ini dan lebih betul dari semua mereka yang menyalahinya."<sup>2</sup>

## 5. Kesimpulan Dan Penutup

Berdasar kepada keterangan-keterangan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa:

- (a) Peranan al-Bukhari ke arah kemurnian akidah Islam amatlah bermakna. Beliau cuba memperbetulkan penyelewengan akidah umat Islam berdasar kepada nas-nas al-Quran, hadis kata-kata sahabat dan pandangan ulama-ulama salaf yang mu'tabar. Akidah yang dikemukakan oleh al-Bukhari merupakan akidah yang benar-benar asli bersih dan murni, kerana semuanya berdasar kepada al-Quran dan hadis-hadis yang sahih tanpa membuat apa-apa takwilan. Beliau hanya berpegang kepada zahir nas sama ada dari al-Quran atau sunnah.
- (b) Akidah al-Bukhari dan mazhabnya adalah mazhab ahli salaf dari Ahli Sunnah yang mengisbatkan semua yang diisbatkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan menafikan yang dinafikan oleh Allah dan Rasul-Nya, khususnya mengenai sifat-sifat Allah, nama-nama-Nya dan perbuatan-Nya. Al-Bukhari mengisbatkan semua sifat zat dan juga sifat *af'al* seperti sifat *al-Takwin*, sifat *istiwa'* dan sebagainya.
- (c) Akidah al-Bukhari berbeza jauh dari akidah mazhab Muktazilah dalam beberapa permasalahan besar, seperti mengenai sifat-sifat Allah, kerana orang-orang muktazilah menafikan semua

---

<sup>1</sup>Lihat *Ibn Qayyim, op.cit*, hal. 306

<sup>2</sup>*Ibid*, hal. 309.

sifat Allah, manakala al-Bukhari mengisbatkan semuanya sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran dan Sunnah. Begitu juga perbuatan manusia, orang muktazilah mengatakan manusia berkuasa melakukan perbuatan ikhtiarinya dengan sendiri tanpa qadar dari Allah. Tetapi al-Bukhari mengatakan semua perbuatan manusia adalah perbuatan Allah. Perselisihan juga berlaku pada kalam Allah (al-Quran) dimana muktazilah mengatakan al-Quran makhluk Allah sedangkan al-Bukhari mengatakan al-Quran adalah kalam Allah dan sifat-Nya yang qadim.

- (4) Akidah al-Bukhari juga berbeza dari akidah *al-Asy'ar* dan orang-orang yang sealiran dengannya dalam beberapa masalah khususnya mengenai sifat *Takwin* dan sifat kalam sebagaimana yang jelaskan tadi.